

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HGM 131 – Geografi Manusia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. **DUA [2]** soalan dari Bahagian A dan **DUA [2]** soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan pendekatan dan metodologi Geografi Manusia sebelum Perang Dunia Kedua sehingga kini.
[25 markah]
2. [a] Huraikan maksud pemodenan dari perspektif geografi sejarah.
[5 markah]
[b] Dengan menggunakan contoh pemodenan industri di Malaysia, bincangkan bagaimana ia dilihat sebagai membawa kemajuan dan dalam masa yang sama membawa kemerosotan nilai-nilai geografi yang disenangi.
[20 markah]
3. [a] Huraikan maksud:
[i] nasionalisme sivik. [5 markah]
[ii] nasionalisme etnik. [5 markah]

...2/-

- [b] Bincangkan proses-proses dalaman yang membentuk ideologi 'territorial' (wilayah) individu atau komuniti. [15 markah]
4. [a] Huraikan maksud pandang darat sosial. [5 markah]
- [b] Dengan merujuk contoh-contoh tertentu bincangkan pengkategorian 'tempat awam' dan 'tempat persendirian' mengikut perspektif geografi sosial dan budaya. [20 markah]

BAHAGIAN B

5. Merujuk kepada fenomena aktiviti perindustrian di Malaysia bincangkan organisasi ruangan ekonomi yang terhasil dari fenomena tersebut. [25 markah]
6. Merujuk kepada sektor pelancongan di Malaysia bincangkan elemen imej dan maklumat memainkan peranan penting dalam memasarkan sesuatu tempat. [25 markah]
7. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan aspek perubahan gunatanah dalam kawasan bandar sebagai akibat dari perubahan ekonomi dan demografi. [25 markah]
8. [a] Nyatakan lima petunjuk pembangunan yang lazim digunakan. [5 markah]
- [b] Merujuk kepada kawasan bandar dan luar bandar bincangkan tahap pembangunan yang terdapat di kedua-dua kawasan tersebut. [20 markah]